



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN PEKERJA
KOD KURSUS : DSM2083
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Senaraikan **EMPAT (4)** tujuan perekrutan di dalam organisasi. (4 markah)
- b. Bincangkan **TIGA (3)** cabaran perekrutan dan pemilihan pekerja. (6 markah)

SOALAN 2

- a. Huraikan **EMPAT (4)** kaedah menangani ketidakseimbangan sumber manusia dalam konteks lebihan sumber manusia. (10 markah)

SOALAN 3

- a. Jelaskan **LIMA (5)** jenis data yang dikumpul dalam analisis kerja. (10 markah)

SOALAN 4

- a. Apabila berlaku kekosongan jawatan, pihak pengurusan boleh mengambil pekerja daripada sumber dalaman atau luar organisasi. Nyatakan **DUA (2)** kebaikan mengambil pekerja dalam konteks sumber luaran organisasi. (2 markah)
- b. Huraikan **EMPAT (4)** sumber perekrutan luaran yang boleh dipilih oleh organisasi. (8 markah)

SOALAN 5

Bincangkan **LIMA (5)** pendekatan atau cara menolak tawaran kerja dengan sopan atau baik dari organisasi.

(10 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Pada hari ini, perancangan sumber manusia merupakan aspek yang penting dalam organisasi. Tujuan perancangan sumber manusia ialah untuk menggunakan sumber manusia dengan berkesan supaya matlamat organisasi dapat dicapai. Oleh itu, bincangkan **LIMA (5)** langkah dalam proses perancangan sumber manusia beserta ilustrasi gambar rajah.

(25 markah)

SOALAN 2

a. Temuduga ialah satu proses komunikasi formal yang bertujuan untuk mencari dan mengenal pasti calon-calon yang berkelayakan untuk menjawat sesuatu jawatan. Huraikan **LIMA (5)** kesilapan yang sering dilakukan oleh penemuduga.

(10 markah)

b. Encik Ali merupakan pengurus sumber manusia di syarikat XYZ dan ingin menjalankan ujian pekerjaan di dalam organisasinya. Oleh itu, bantu Encik Ali dengan mengenalpasti serta menerangkan **LIMA (5)** ujian pekerjaan yang boleh digunakan oleh beliau.

(15 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan analisis kerja?. Senaraikan **LIMA (5)** maklumat yang terdapat di dalam analisis kerja.

(7 markah)

- b. Huraikan **ENAM (6)** proses dalam melaksanakan analisis kerja.

(18 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT